

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. YONG WUI CHUNG**

**TARIKH : 9 MEI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 63**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf status Lapangan Terbang Tawau kepada Lapangan Terbang Antarabangsa bagi memenuhi keperluan pelancong asing yang datang ke Sabah.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Tawau sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (Senai).
2. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Tawau adalah lapangan terbang domestic dan berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan terbang antarabangsa.
3. Walaupun Lapangan Terbang Tawau tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.
4. Pada masa ini, Lapangan Terbang Tawau mengendalikan penerbangan terus sebanyak 129 kali penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching ,Kota Kinabalu (KKIA), Sandakan dan Tarakan. Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke Lapangan Terbang Tawau dengan jumlah kekerapan keseluruhan

## **NO. SOALAN: 63**

sebanyak 49 kali seminggu. MAB, AirAsia dan Malindo turut menyediakan penerbangan terus dari KKIA ke Lapangan Tawau dengan jumlah kekerapan sebanyak 55 kali seminggu. Manakala MASwings menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Tawau ke Sandakan dengan kekerapan sebanyak 14 kali seminggu. Di samping itu, terdapat penerbangan antarabangsa yang menghubungkan Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Tarakan, Indonesia yang dikendalikan oleh MASwings dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu.

Sekian, terima kasih.